

31 OCT 2000

UMNO KEDAH YAKIN PINDAAN DAPAT KURANGKAN KEMPEN

SUNGAI PETANI, 31 Okt (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Kedah yakin pindaan perlembagaan yang menetapkan pemilihan anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno dilakukan mengikut tempoh Dewan Rakyat akan dapat mengurangkan kempen di kalangan calon bagi jawatan parti.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain yang juga pengerusi badan itu berkata pihaknya sentiasa memberi sokongan padu terhadap usaha peringkat tertinggi parti mengekalkan perpaduan di kalangan anggotanya.

"Keputusan peringkat tertinggi parti itu adalah selaras dengan keperluan Umno pada masa ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri pelancaran Hari Kesihatan Sedunia yang disempurnakan oleh Sultan Kedah di Sekolah Kebangsaan Taman Ria di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas keputusan Majlis Tertinggi Umno semalam bersetuju dengan cadangan pindaan perlembagaan supaya pemilihan anggota MT dilakukan mengikut penggal Dewan Rakyat dalam usaha memperkukuhkan parti.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno ketika mengumumkan perkara itu semalam berkata pemilihan MT akan dibuat dalam tempoh 12 bulan selepas pilihan raya umum.

Syed Razak berkata dengan tempoh yang agak panjang itu, anggota MT akan dapat menumpukan lebih perhatian kepada kerja masing-masing tanpa terlalu banyak berfikir mengenai perebutan jawatan parti.

Katanya, pihaknya akan mengadakan perjumpaan dengan anggota Umno di peringkat akar umbi bagi menerangkan beberapa perkara berhubung pindaan perlembagaan berkenaan.

-- BERNAMA

MAN NMO